

Permohonan, kemas kini BR1M 2017 dibuka

PUTRAJAYA - Permohonan dan kemas kini maklumat Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2017 dibuka mulai 5 Disember hingga 31 Disember ini.

Kementerian Kewangan menerusi satu kenyataan berkata, notis dan surat pemakluman lulus atau gagal permohonan BR1M 2017 akan diposkan kepada pemohon mulai minggu kedua Februari 2017.

"Bayaran BR1M akan mula dikreditkan ke akaun penerima secara berperingkat pertengahan Februari tahun depan.

"Kerajaan berhasrat membayarkan BR1M tahun 2017 dapat bantu ringankan beban kos sara hidup rakyat," katanya.

Kementerian Kewangan berkata, permohonan dan kemas kini maklumat itu boleh dilakukan secara manual atau

BR1M

Bantuan Rakyat 1Malaysia

dalam talian.

"Pemohon perlu mengemukakan maklumat peribadi dengan lengkap dan perlu dinyatakan maklumat waris, maklumat akaun bank dan nombor telefon yang boleh dihubungi," kata kementerian itu.

Borang BR1M 2017 boleh didapati secara percuma di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDN dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDN.

Pemohon juga boleh memuat turun borang permohonan di portal rasmi BR1M di <https://ebr1m.hasil.gov.my>

atau www.treasury.gov.my.

Kementerian Kewangan berkata, pemohon perlu menyediakan dokumen tambahan seperti salinan kad pengenalan waris/tanggungan, dokumen slip pendapatan atau dokumen lain berkaitan.

Kementerian itu berkata, permohonan juga boleh dibuat di portal rasmi BR1M LHDN <https://ebr1m.hasil.gov.my>.

"Permohonan dalam talian hanya boleh dibuat menggunakan komputer sahaja dan salinan permohonan perlu disimpan bagi tujuan rekod. Aplikasi eBR1M tidak direka bentuk untuk capaian peranti mudah alih," katanya.

Kementerian Kewangan berkata, penerima BR1M 2016 sedia ada juga perlu buat pengemaskinian maklumat terkini.

"Permohonan yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan tidak dapat diproses atau gagal," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober lalu mengumumkan, pemberian BR1M kepada isi rumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM1,200.

Bagi isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000, beliau mengumumkan BR1M dinaikkan daripada RM800 kepada RM900.

Individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000 pula BR1M dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

- Bernama